



**MAJLIS AMANAH RAKYAT
(MARA)**

Bahagian Pengurusan Risiko & Inspektorat
Tingkat 8, Ibu Pejabat MARA
No. 21, Jalan MARA
50609 Kuala Lumpur

Bil. MARA : MARA.100-1/5/10(10)
Tarikh: : 10 Januari 2020
14 Jamadilawal 1441H

**SURAT EDARAN BAHAGIAN PENGURUSAN RISIKO & INSPEKTORAT
BIL. 1 / 2020**

**PENGURUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN**

Perkara di atas dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Surat Edaran ini bertujuan untuk menyampaikan panduan bagi membantu Urus Setia atau Setiausaha bagi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri (JKKPN) dan Urus Setia atau Setiausaha bagi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pusat (JKKPP) supaya dapat menjalankan tanggungjawab dengan lebih cekap dan berkesan.

3. Melalui Surat Pekeliling Keselamatan MARA Bil. 2 Tahun 2017: Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) menggariskan panduan penyediaan minit mesyuarat Jawatankuasa ini perlu disediakan secara berasingan, iaitu:

3.1 Minit mengenai agenda Keselamatan Perlindungan; dan

3.2 Minit mengenai agenda Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Perincian minit ini boleh dirujuk kepada Seksyen 27 Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan), 1996.

4. Melalui Surat Pekeliling Keselamatan MARA ini juga, agenda Keselamatan Perlindungan hendaklah dibincangkan dalam setiap Mesyuarat JKKP termasuklah:

4.1 Pelantikan Pegawai Keselamatan di MARA

- 4.2 Status Keselamatan Fizikal;
- 4.3 Status Keselamatan Dokumen Terperingkat;
- 4.4 Keselamatan Peribadi; dan
- 4.5 Status Keselamatan ICT

5. Perkara-perkara yang perlu dibincangkan pada para 4 di atas boleh dirujuk melalui Manual Pengurusan Keselamatan Perlindungan MARA 2019 versi 2.0 (m/s 88 hingga m/s 177). Manual ini boleh dimuat turun dari laman intranet maranet.sharepoint.com.

6. Manakala agenda Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pula hendaklah dibincangkan sebagaimana senarai di bawah:

- 6.1 Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
 - 6.1.1 Pendaftaran mesin dan Sijil Perakuan Kelayakan Mesin di IPMA; dan
 - 6.1.2 Pendaftaran mesin dan Sijil Perakuan Kelayakan Mesin di Premis Perniagaan.
- 6.2 Pengurusan Keselamatan Kebakaran;
 - 6.2.1 Penyelenggaraan sistem pencegah kebakaran di IPMA; dan
 - 6.2.2 Penyelenggaraan sistem pencegah kebakaran di Premis Perniagaan.
- 6.3 Pemeriksaan dan Senggaraan Sistem Pendawaian Elektrik;
 - 6.3.1 Pemeriksaan dan senggaraan sistem pendawaian elektrik di IPMA; dan
 - 6.3.2 Pemeriksaan dan senggaraan sistem pendawaian elektrik di Premis Perniagaan.
- 6.4 Pengurusan Loji Rawatan Kumbahan (LRK);
 - 6.4.1 Pendaftaran Lesen Kelas dan penyelenggaraan Loji Rawatan Kumbahan di IPMA; dan
 - 6.4.2 Pendaftaran Lesen Kelas dan penyelenggaraan Loji Rawatan Kumbahan di Premis Perniagaan.
- 6.5 Pengurusan Keselamatan Pemasangan *Liquefied Petroleum Gas* (LPG);
 - 6.5.1 Pendaftaran Lesen Gas Persendirian dan Penyelenggaraan sistem pemasangan keselamatan LPG di IPMA.

- 6.6 Pengurusan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan.
 - 6.6.1 Pengurusan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan di IPMA; dan
 - 6.6.2 Pengurusan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan di Premis Perniagaan.
- 6.7 Laporan Pemeriksaan Keselamatan di Pusat Pentadbiran MARA.
 - 6.7.1 Laporan kemajuan kerja-kerja penyelenggaraan dan membaik pulih berkenaan *hazard* berstatus terbuka yang dilaporkan di IPMA; dan
 - 6.7.2 Laporan kemajuan kerja-kerja penyelenggaraan dan membaik pulih berkenaan *hazard* berstatus terbuka yang dilaporkan di Premis Perniagaan.
- 6.8 Program Sijil Pengiktirafan Bersih, Selamat dan Sihat (BeSS)
 - 6.8.1 Laporan kemajuan berkenaan permohonan Pengiktirafan BeSS di IPMA; dan
 - 6.8.2 Laporan kemajuan berkenaan permohonan Pengiktirafan BeSS di Premis Perniagaan.
- 6.9 Keselamatan Cerun
 - 6.9.1 Laporan kemajuan kerja-kerja penyelenggaraan dan membaik pulih cerun di IPMA; dan
 - 6.9.2 Laporan kemajuan kerja-kerja penyelenggaraan dan membaik pulih cerun di Premis Perniagaan.
- 6.10 Latihan dan kursus berkenaan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

7. Aliran pelaporan di antara Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan adalah sebagaimana di bawah:



8. Sehubungan itu, Urus Setia bagi JKKPN hendaklah menghantar satu salinan cadangan jadual mesyuarat JKKPN bagi tahun 2020 kepada Urus Setia JKKPIP sebelum **29 Januari 2020 (Rabu)**.

9. Urus Setia JKKPN hendaklah menghantar minit mesyuarat JKKPN kepada kami dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh mesyuarat.

10. Pihak tuan boleh menghubungi pegawai-pegawai kami seperti di bawah untuk sebarang pertanyaan mengenai perkara ini.

Bil.	Nama Pegawai	Alamat e-mel	No. telefon
1	Mohamed bin Baharuddin	mohamed@mara.gov.my	03-26132553
2	Hafiz Zakuan bin Omar	hafiz@mara.gov.my	03-26132562
3	Afzan binti Rozali	afzan.rozali@mara.gov.my	03-26135008
4	Sulaiman bin L.Saad	sulaimanl@mara.gov.my	03-26134131

11. Kerjasama daripada semua Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri (JKKPN) untuk mematuhi agenda tersebut amatlah diharapkan dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di semua Pusat MARA terjamin.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“LUAR BANDAR SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



NOR ZAINI BINTI ABU KASSIM

Pengarah
Bahagian Pengurusan Risiko & Inspektorat
MARA

*Keusahawanan
& Pendidikan Global*
Majlis Amanah Rakyat